

Kesan Zikir *Rātib al-‘Aṭṭas* ke atas Akhlak Pengamalnya

The Effect of Rātib al-‘Aṭṭas Chanting on the Morality of The Chanters

Mohd Shafiq Sahimi^{a*}, Norazlina Zakaria^b

^a*Kuliyah Usuluddin, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHLAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah*

^b*Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Kerja dan Dasar Sosial, College of Arts, Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 Bukit Kayu Hitam, Kedah*

*Corresponding author: sayangislam2@yahoo.com

Article history

Received: 2020-05-29 Received in revised form: 2021-01-24 Accepted: 2021-01-27 Published online: 2021-10-30

Abstract

This article is the result of an academic based research into *Rātib al-‘Aṭṭas*. Ratib or Islamic chant is an essential element in an order (or school) of Sufism. However, the debate on the correlation between the aforementioned Ratib and moral development has not yet been specifically appraised, nor has it been proved by practical means. The objective of this research is to identify the correlation between the practice of *Rātib al-‘Aṭṭas* by practitioners and their moral development. This research used quantitative methodology (research survey) involving practitioners of this *Rātib* in the state of Johor region as the respondents. These 350 respondents were from four different zones of Johor. The data were analyzed by descriptive and inferential means (correlation t-test). The findings of this research have shown that *Rātib al-‘Aṭṭas* has a significant connection between moral development and establishment of several moral values of the practitioners in Johor who were truly diligent in undergoing this practise based upon an accurate practice module, sincere and pure intention and consistency. It is hoped that from this research, *Rātib al-‘Aṭṭas* will be generally accepted and will receive recognition from the institutions involved.

Keywords: *Rātib al-‘Aṭṭas*, chanting, sufism, ethic.

Abstrak

Artikel ini merupakan hasil daripada kajian ilmiah berkaitan *Rātib al-‘Aṭṭas*. Ratib atau zikir merupakan elemen terpenting dalam satu tarekat namun perbincangan mengenai hubungkait antara ratib tersebut dan pembinaan akhlak belum dibuat penilaian secara khusus dan dibuktikan secara praktikal. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungkait amalan *Rātib al-‘Aṭṭas* terhadap pembinaan akhlak pengamalnya. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif (kajian tinjauan) yang melibatkan pengamal ratib ini di negeri Johor sebagai populasi kajian. Responden adalah seramai 350 orang dari empat zon negeri Johor. Data dianalisa secara deskriptif dan inferens (ujian *t* dan korelasi). Dapatan kajian menunjukkan bahawa *Rātib al-‘Aṭṭas* didapati mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pembinaan dan pembentukan beberapa jenis akhlak bagi pengamal di Negeri Johor yang benar-benar tekun menjalani amalan ini berteraskan modul pengamalan yang tepat, niat yang ikhlas serta konsisten. Diharapkan daripada kajian ini, *Ratib al-‘Aṭṭas* akan diterima secara umum serta mendapat pengiktirafan daripada institusi yang terlibat.

Keywords: *Rātib al-‘Aṭṭas*, zikir, sufi, akhlak.

1.0 PENDAHULUAN

Kebelakangan ini, masyarakat Islam diuji dengan pelbagai masalah keruntuhan akhlak seperti penyelewengan aqidah, salah faham agama, keruntuhan moral dan lain-lain. Krisis ini dilihat terjadi bukan lagi kerana kedangkalan ilmu, namun berpunca daripada keadaan hati yang gelap dan desakan hawa nafsu (Al Haddad 1997:19). Apabila timbulnya gejala-gejala negatif, secara tidak langsung ia akan mencetuskan keperibadian yang tercela dari sudut zahir dan batin. Islam telah menyediakan asas yang jelas melalui pendidikan *'ilm 'ibsan* atau tasawuf sebagai medium menghidupkan semula hati yang gelap dan mati seterusnya meraih kembali reda Allah S.W.T. Pendekatan tasawuf dalam kehidupan, mampu mentarbiah manusia dalam membina hubungan kerohanian dengan Allah S.W.T. Berbekalkan niat yang baik, dapat mengikis sifat-sifat *madhmūmah* (tercela) yang membinasakan diri, menerapkan sifat-sifat *mahmūdah* (terpuji) yang membahagiakan, serta berakhlak terpuji dalam menjana hubungan baik kepada Allah dan sesama makhlukNya (Al-Baruhi 2002: 111).

Pengajaran ilmu tasawuf melalui tarekat telah lama bertapak dan tersebar luas di alam Melayu sehingga mendapat perhatian masyarakat Islam daripada golongan bangsawan, ulama dan rakyat jelata. Ratib atau zikir pula merupakan elemen terpenting dalam satu tarekat, bahkan antara pembeza satu tarekat dengan yang lainnya adalah doktrin-doktrin zikir yang digunakan. Dalam tarekat *'Alawiyah*, *Rātib al-Attas* digunakan sebagai salah satu zikir utama kepada pengikut tarekat *'Alawiyah*. Amalan ratib ini adalah salah satu dari koleksi ratib yang terdapat dalam tarekat *Alāwiyah*. Kebelakangan ini, amalan *Rātib al- Attas* semakin mendapat tempat dihati masyarakat Islam dalam melestarikan tarbiah kejiwaan masyarakat setempat. Ia dibuktikan dengan penganjuran majlis tarekat seumpama itu semakin berkembang positif di madrasah, masjid, surau, rumah kediaman terpilih dan lain-lain lokasi yang sesuai bagi tujuan yang sama. Amalan ini secara praktikalnya dilaksanakan sama ada secara bersendirian atau secara berjemaah tanpa dibatasi waktu tertentu, dan kebiasaannya dilakukan pada waktu malam. Amalan ratib juga merupakan sebagai satu proses mendidik kerohanian individu atau jemaah secara tidak formal bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan memperolehi kesejahteraan serta keselamatan luaran dan dalaman, dunia dan akhirat (Mohd Azman et al. 2015: 43).

Walau bagaimanapun, kaedah zikir dengan metode tarekat yang telah dipilih oleh para ulama silam hingga masa kini masih terdapat banyak kekurangan. Hal ini menyebabkan kemampuan zikir sebagai penyelesaian kepada kawalan hati masih lagi tidak dapat dibuktikan secara praktikal. Masih lagi tiada kajian yang khusus tentang kelebihan zikir kepada pembentukan akhlak yang mulia. Oleh itu, pengkaji melihat perlunya usaha untuk merintis satu kajian ilmiah mendalam yang bersifat praktikal dan komprehensif ke atas pengamal *Rātib al- Attas* bagi melihat keberkesanannya dalam pembentukan akhlak.

2.0 SOROTAN KARYA

Zikir memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sakhshiah. Ia berperanan untuk menyedarkan hati yang lalai. Orang yang telah melakukan kejahatan kemudian dia bertaubat kepada Allah S.W.T telah mengalami proses kesedaran jiwa (*intibah*) dengan berkesan. Ini akan mendorongnya untuk bertaubat dan tidak lagi meneruskan atau mengulangi kesilapan yang telah lalu (Abdul Wahab et al. 2007: 15-16 & 24). Oleh itu, amalan zikir berkait rapat dalam pembinaan akhlak yang mulia. Islam tanpa akhlak seperti rangka yang tidak berisi atau badan yang tidak bernyawa atau bahan yang tidak mempunyai nilai (Mohd Sulaiman 1997: 36) Demikianlah zikir

apabila tidak mampu menghasilkan natijah akhlak *mahmūdah*, maka zikir pada ketika itu hanyalah sekadar pengucapan di bibir sahaja yang tidak memberi segala bentuk kesan. Zikir kepada Allah S.W.T juga adalah jalan (metode) untuk memperbaiki tingkah laku serta menyucikan hati (Muhamad 2018: 76). Zikir berupaya menghilangkan segala sesuatu yang buruk melintasi pada hati, seperti sifat hasad, sombong, bohong atau khianat. Para ulama senantiasa berusaha untuk *istiqamah* dalam mengingati Allah S.W.T menerusi amalan zikir. Ia adalah sebagai usaha untuk membersihkan hati mereka daripada segala khilaf dan keterlanjuran sikap (Al-Naqshabandi 1988 : 173).

Oleh demikian, bagi mengkaji hubungan antara zikir dan akhlak, pengkaji mendapati bahawa kajian berkaitan *Ratib al-Attas* ini merupakan kajian yang perlu dititik beratkan, kerana ia bukan hanya melibatkan lafaz zikir yang terkandung dalam ratib semata-mata, bahkan ia akan membawa kepada penelitian kepada institusi yang melahirkan dan mengamalkan bacaan ratib tersebut iaitu tarekat *Alawīyyah*. Menurut catatan yang disediakan oleh 'Idrūs 'Alawī al-Masyhūr dalam "Sejarah, Silsilah dan Gelar keturunan Nabi Muhammad di Indonesia, Singapura, Malaysia Timur Tengah dan Afrika (Al-Masyhur 2013: 79). Tarekat berkenaan mengalami perkembangan di sekitar Ḥaḍramāut dan Yaman serta meninggalkan kesan yang besar terhadap perkembangan dakwah dan tasawuf di Tanah Melayu atau dikenali sebagai Malaysia. Maklumat ini turut dikemukakan di dalam tesis ulama daripada Arab Hadrami Dalam Pentadbiran Dan Pendidikan Islam di Johor : Analisis Terhadap Sumbangan Sayyid 'Abd al-Qādir bin Muḥsin al- 'Attas dan Sayyid 'Alwī bin Ṭahir al-Ḥaddād. Bahkan ia turut terdapat dalam kajian berkaitan hubungan masyarakat Arab *Ḥaḍramī* dan Johor yang berlaku sejak di zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar (Nurul Wahidah 2012: 23). Kajian ini turut menyentuh sejarah dua tokoh iaitu Sayyid 'Abd Qādir bin Muḥsin al-'Attas dan Sayyid 'Alwī bin Ṭahir al-Ḥaddād. Selain itu, kajian ini juga menyentuh mengenai tarekat *Bā'alawīyyat* serta sumbangan mereka terhadap masyarakat di negeri Johor secara khususnya. Pengasas tarekat ini ialah *al-Faqīh al-Muqaddam* Muḥammad bin 'Alī Bā'alawī (w. 653 H) yang mana jalur nasab beliau sampai kepada Baginda Rasulullah S.A.W. Pengorbanan dakwah para *Sādat 'Alawīyyin* telah terbukti melalui proses perkembangan misi dakwah, perdagangan dan perkahwinan sejak awal tahun 1,400 Masihi di seluruh Nusantara khususnya di Indonesia, Brunei, Singapura dan Malaysia. Seiring dengan penyebaran dakwah Islamiyyah oleh para *Sādat 'Alawīyyin* telah tersebar amalan tarekat dan ratib di seluruh Nusantara. Amalan *Ratib al- 'Attas* pula telah diperkenalkan oleh seorang Wali Qutb Habib 'Umar bin 'Abd al-Rahman al-'Attas (w. 1072 H).

Ratib al-Ḥaddād dan *Ratib al-'Attas* merupakan wirid yang paling masyhur diamalkan di negara Malaysia sama ada dalam kalangan pengikut tarekat *Alawīyyah* atau masyarakat umum. Oleh itu, bagi memastikan bacaan wirid tersebut menjadi kekal, maka ratib yang sedia ada telah disusun oleh Habib 'Abdullah al-Haddad, iaitu anak murid kepada Habib 'Umar bin 'Abd al-Rahman al-'Attas. Ratib tersebut di amalkan secara meluas di Malaysia sehingga memberi impak dan pengaruh yang besar terhadap perkembangan dakwah dan pembinaan akhlak dalam kalangan masyarakat setempat. Terdapat artikel mengenai *Ratib al-Attas* menurut Perspektif Al-Quran dan hadis, Mohd Azman et al. (2016: 101) menjelaskan mengenai penilaian terhadap sumber zikir 17 *Ratib al- Attas* berdasarkan sumber zikir dan pandangan ulama terhadap maksud dan tujuan zikir tersebut. Amalan majlis *Ratib al- Attas* ini telah dipraktikkan lebih 90 tahun lampau di negeri Johor. Tambahan pula, kaedah amalan ratib tersebut turut diberikan penilaian dan justifikasi dari perspektif amalan Islam (Mohd Azman: 2017). Manakala, artikel berjudul "Prinsip, Adab dan Amalan *Ratib al- Attas* Dalam tarekat *'Alawīyyah*: Suatu Sorotan Ringkas", Mohd Azman et al. (2015: 43) pula menghuraikan latar belakang tarekat *'Alawīyyah*, prinsip-prinsip, doktrin amalan

Rātib al- Aṭṭas dan adab-adab semasa beratib yang diamalkan oleh para pembimbing dan pengamal ratib tersebut.

Berdasarkan beberapa kajian ilmiah yang telah dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa *Rātib al-Aṭṭas* mempunyai kepentingan dalam memberi sumbangan yang besar kepada dunia Islam sehingga menarik minat ramai ulama, cendekiawan dan pengkaji untuk serta menghuraikan dengan lebih mendalam berkaitan *Rātib al- Aṭṭas*. Manakala dari sudut pengamalan pula, *Rātib al-Aṭṭas* mengandungi pelbagai faedah dan kelebihan sebagaimana yang telah disebutkan di dalam kitab karya Habib Ali bin Hassan al-Aṭṭas yang bertajuk *al-Qirṭās Sharah Ratib al- Aṭṭas* al-(Hadhrami 1966). Kitab ini merupakan salah satu kitab utama yang mensyarahkan *Rātib al- Aṭṭas* dengan mengemukakan faedah, kelebihan dan huraian setiap zikir yang terdapat dalam *Rātib al-Aṭṭas*. Kitab tersebut turut menerangkan kaedah pengamalan *Rātib al-Aṭṭas* yang perlu dilakukan dengan penuh tertib dan mengikut prinsip tertentu agar natijah daripada majlis zikir itu dapat dirasai dan diterjemahkan ke dalam kehidupan. Selain itu, Dr Azman Mohsin dalam kajiannya “*Rātib al- Aṭṭas* Dalam tarekat ‘Alāwīyyah: Amalan Di Masjid Habib Hasan Johor Bahru (Mohd Azman 2017), telah menumpukan kepada penelitian terhadap latar belakang, tokoh, prinsip, doktrin, dan faedah majlis *Rātib al- Aṭṭas* dalam tarekat ‘*Alāwīyyah* di Masjid Habib Hasan, Johor Bahru, Johor Darul Ta’zim. *Rātib al- Aṭṭas* telah diamalkan secara berjemaah pada setiap hari Isnin di masjid tersebut sejak 90 tahun lalu dan semakin berkembang di masjid negeri Johor sehingga kini.

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan sorotan karya di atas, setakat kajian penulis, tidak ditemui perbincangan mengenai hubungkait antara ratib tersebut dan pembinaan akhlak belum lagi dapat dibuktikan secara praktikal. Disebabkan amalan kerohanian amat berkait rapat dengan akhlak, maka satu pembuktian perlu dijalankan agar ia dapat menjadi sandaran kukuh kepada pengamalan tersebut.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan rekabentuk kajian lapangan. Kajian lapangan ini dijalankan menerusi edaran borang soal selidik yang dijalankan di masjid-masjid dan surau-surau di beberapa daerah di negeri Johor. Kajian tinjauan digunakan untuk mengukur pembolehubah yang berkait dengan sesuatu fenomena dan untuk membuat kenyataan umum atau hipotesis tentang sesuatu isu yang dikaji. tanpa menyoal mengapa pemboleh ubah tersebut wujud (Nabilah Aishah, 2019). Selain itu, penyelidik turut melakukan pemerhatian terhadap majlis-majlis zikir yang dijalankan.

3.1 Kaedah Kutipan Data

Data kuantitatif dikutip daripada edaran borang soal selidik terhadap populasi kajian iaitu para pengamal zikir *Ratib al- Aṭṭas* di masjid-masjid dan surau-surau di negeri Johor. Negeri Johor dipilih sebagai tempat kajian kerana ia mempunyai pengamal *Ratib al- Aṭṭas* yang ramai dan ia telah dilaksanakan secara berjemaah sebagai salah satu aktiviti masjid serta surau di Negeri Johor.

3.1.1 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji berdasarkan teori-teori yang diperolehi daripada literatur-literatur berkaitan. Instrumen telah disahkan oleh tiga orang pakar, dua orang dalam bidang metodologi iaitu seorang Professor dari Fakulti Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

serta seorang Profesor Madya dari Universiti Selangor (UNISEL) daripada Fakulti Pengurusan Perniagaan. Manakala, seorang lagi yang terlibat ialah Profesor Madya dalam bidang Usuluddin dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian rintis ini telah dilaksanakan ke atas 34 orang responden. Kebolehpercayaan instrument diuji melalui ujian kebolehpercayaan *alpha chombach*. Hasil ujian mendapati nilai kebolehpercayaan instrumen adalah *alpha* 0.625 setelah lima soalan dibuang daripada borang soal selidik asal. Soalan-soalan yang telah dibuang daripada soal selidik asal adalah seperti berikut:

- 1- Tempat asal (daerah menetap)
- 2- Tahap pengajian terakhir
- 3- Siapakah yang memperkenalkan anda dengan Rātib al- ‘Attas?
- 4- Siapakah naqib dalam majlis Rātib al- ‘Attas?
- 5- Siapakah yang telah memberikan ijazah amalan Rātib al- ‘Attas?

Kebolehpercayaan seringkali dirujuk untuk menggambarkan kestabilan dan ketekalan dalaman (Creswell 2002, 2005, 2010; Pallant 2001; Sekaran 1992). Nilai *Cronbach Alpha* pula seringkali dirujuk semasa pengukuran ketekalan dalaman sesuatu konstruk. Nilai *Cronbach* yang melebihi 0.60 sering kali diguna pakai sebagai indeks kebolehpercayaan sesuatu. Berdasarkan penerangan diatas, penulis telah menggunakan nilai *Cronbach Alpha* bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik (Kamaruzzaman 2013). Meskipun nilai Alfa yang kurang daripada 0.80 dianggap kurang baik, memandangkan soal selidik ini merupakan instrument yang baru dibina maka ia boleh.

3.1.2 Persampelan

Populasi kajian adalah pengamal *Rātib al- ‘Attas* di negeri Johor. Menurut Dr. Mohd Azman bin Mohsin Almuari yang merupakan pengerusi tarekat muktabar negeri Johor dan pengembang amalan *Rātib al- ‘Attas*, bilangan pengamal *Rātib al- ‘Attas* di negeri Johor adalah seramai 5000 orang. Maklumat ini diperolehi melalui panggilan telefon secaralangsung. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), bilangan responden yang perlu bagi populasi tersebut adalah seramai 348 orang. Jumlah responden yang telah mengisi borang soal selidik dalam kajian ini adalah seramai 370 orang. Walau bagaimanapun setelah pembersihan data dilakukan, data responden yang dianalisa hanyalah sebanyak 350 orang.

Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan kebarangkalian kelompok (kluster). Kelompok responden dibahagikan kepada tiga pecahan iaitu Johor Utara, Johor Tengah dan Johor Selatan. Lokasi kajian pula terdiri daripada 4 masjid atau surau yang melaksanakan majlis ratib di setiap zon. Manakala, responden terdiri daripada semua pengamal ratib di masjid atau surau berkenaan yang di temui ketika borang soal selidik diedarkan.

Bilangan responden yang terdapat di masjid-masjid atau surau tersebut adalah seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Taburan responden mengikut zon

Zon	Daerah terlibat	Nama masjid dan surau	Bilangan responden
Selatan	Johor Bahru, Kota Tinggi, Pontian	Surau Madrasah al- Attas	65
		Surau al-Kausar	35

		Surau PPNJ	16
		Surau Nuril Falah TSI	69
Tengah	Mersing, Kluang, BatuPahat	Masjid al-Khairiah	49
Utara	Muar, Segamat	Masjid Parit Setongkat	22
		Surau at-Taqwa	48
		Masjid Parit Raja	25
		Masjid Parit Raja	34

3.2 Hipotesis Kajian

Hipotesis untuk ujian korelasi adalah seperti berikut:

Hipotesis null 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap akhlak dengan kefahaman tentang zikir.

Hipotesis null 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sebab menyertai Majlis Ratib Al 'Attas dengan tahap akhlak.

Hipotesis null 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sebab menyertai Majlis *Ratib al-'Attas* dengan kefahaman zikir.

Hipotesis null 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara bentuk mengamalkan zikir dengan tahap akhlak.

Hipotesis null 5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap akhlak dan kesan amalan ratib.

Hipotesis null 6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tempoh pengamalan dengan tahap akhlak.

Hipotesis null 7: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemilikan ijazah dengan tahap akhlak.

3.3 Analisa Data

Dua kaedah utama iaitu analisa digunakan iaitu analisa deskriptif dan analisa *inferens*.

Analisa deskriptif digunakan untuk menganalisa latar belakang responden melibatkan maklumat berikut:

- a) analisa pengetahuan tentang akhlak.
- b) analisa tempoh pengamalan ratib.
- c) analisa bentuk pengamalan ratib.
- d) analisa perubahan –perubahan akhlak.

Analisa deskriptif juga digunakan untuk menghurai keberkesanan zikir *Ratib al- Attas* terhadap akhlak menerusi satu soalan dalam soal selidik yang meminta responden memberi maklumbalas terhadap skala tahap perubahan jenis-jenis akhlak yang disenaraikan.

Analisa inferens pula melibatkan ujian kolerasi, digunakan untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara perkara-perkara berikut:

- a) Tahap akhlak dan kefahaman
- b) Sebab menyertai dan akhlak
- c) Sebab menyertai dan kefahaman
- d) Bentuk pengamalan dan akhlak
- e) Kesan amalan dan akhlak
- f) Tempoh dan akhlak
- g) Ijazah dan akhlak

3.4 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada zikir *Rātib al- Aṭṭas* yang melibatkan pengamalannya dalam kalangan pengamal ratib terbabit di masjid dan surau negeri Johor Darul Takzim sahaja. Cetakan naskah ratib yang digunakan oleh responden adalah terbatas kepada *Sabil al-Hudā Wa al-Rashād* (Azman Mohsin,2015).

Ciri-ciri akhlak yang diukur adalah berdasarkan item yang disebut oleh Imam Ghazali dalam beberapa kitabnya iaitu *al- 'Arba 'in Fī Usuluddin* (Al-Ghazali : 2003) dan *Ihya Ulumuddin* (Al-Ghazali 2010: 269-293). Pemilihan akhlak yang dilontarkan oleh Imam Ghazali telah dipilih kerana tarekat *Ālāwīyyah* zahirnya adalah *Ghazaliyyah* sebagaimana yang telah dinyatakan oleh tokoh tarekat *Ālāwī* sendiri iaitu Imam Abdul Rahman Bal Faqeh (Al-Ḥabsyī 2009: 34). Maka akhlak terpilih tersebut tersebut ialah: ikhlas, pemaaf, lemah lembut, merendah diri, pemurah, tidak suka kemasyhuran, sabar, tawakkal dan lemah lembut.

4.0 DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

4.1 Analisa Deskriptif

4.1.1 Latar Belakang Responden

Kajian ini telah dijalankan ke atas 350 orang responden yang terdiri daripada 249 (71.1%) orang lelaki dan 101 (28.9%) orang perempuan. Daripada perangkaan ini, dapat dilihat bahawa jumlah responden lelaki melebihi jumlah responden wanita, hal ini dapat dijelaskan melalui dua faktor; waktu dan tempat majlis *Rātib al- Aṭṭas* (MRA) dijalankan. Yang pertama ialah waktu, MRA ini dijalankan pada waktu malam iaitu selepas solat Maghrib yang mana menjadi salah satu halangan bagi kaum wanita untuk melaziminya. Yang kedua ialah tempat, soal selidik ini diedarkan sekitar surau dan masjid sahaja yang mana jemaah lelaki lebih ramai daripada jemaah wanita.

Taraf responden di dalam Majlis *Rātib al- Aṭṭas* (MRA) yang dibahagikan kepada dua iaitu *Naqib* (pembimbing) dan pengikut. Bagi yang bertaraf *Naqib* seramai 27 orang iaitu 7.7% manakala bakinya seramai 323 orang iaitu 92.3% pula bertaraf pengikut di dalam MRA. Berdasarkan dapatan ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pengikut MRA melebihi bilangan naqib MRA, ini adalah kerana dasar universal konsep kepimpinan itu sendiri yang mana *Naqib* yang dipilih perlu melalui beberapa kriteria tertentu bagi membimbing pengikut yang ada. Berdasarkan konsep universal inilah dapat dilihat angka yang dibimbing melebihi angka pembimbing itu sendiri. Oleh itu, responden bertarafkan pengikut melebihi responden bertaraf *Naqib*.

Analisa taburan sebab responden menyertai MRA pula menunjukkan, responden yang menjawab pilihan sendiri mencatatkan seramai 276 orang (78.9%) iaitu merupakan sebab yang tertinggi dapat direkodkan. Penyertaan disebabkan nasihat guru pula adalah seramai 29 orang (8.3%) manakala penyertaan disebabkan oleh sebab-sebab lain dalam menyertai MRA mencatatkan 20 orang (5.7%). Penyertaan disebabkan mengikut kawan pula mencatatkan seramai 15 orang (4.3%) dan sebab penyertaan yang paling sedikit merupakan pilihan ibu bapa iaitu seramai 10 orang (2.9%). Berdasarkan taburan di atas, dapat disimpulkan bahawa peratusan tertinggi kepada faktor penyertaan yang direkod menunjukkan majoriti pengikut memilih untuk menyertai MRA adalah datangnya atas pilihan diri sendiri dan peratusan yang paling rendah adalah atas pilihan ibu bapa.

4.1.2 Tahap Pengetahuan Tentang Ciri-Ciri Akhlak, *Ratib al-Attas* dan tarekat *Alawiyah*

Majoriti responden memiliki pengetahuan mengenai akhlak terpuji dan tercela, 42.9% iaitu seramai 150 Orang daripada majoriti responden direkodkan memahami dan dapat membezakan antara akhlak yang terpuji dan tercela dan 36.9% iaitu 129 orang direkodkan memiliki tahap kefahaman yang sangat tinggi dalam menilai akhlak. Manakala sebanyak 16.3% iaitu 57 orang hanya memahami sedikit sahaja berkaitan akhlak dan baki responden sebanyak 4% iaitu seramai 14 orang tidak begitu memahami. Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa objektif kepada amalan MRA dapat dicapai oleh majoriti pengikut iaitu pemahaman terhadap akhlak terpuji dan tercela. Pemahaman kepada akhlak ini merupakan salah satu objektif dan kayu ukur kepada perubahan diri bagi pengamal amalan tasawwuf.

Dapatan kajian menunjukkan 68.9% daripada responden tidak memiliki pengetahuan mengenai tarekat *Alawiyah*, namun 60.3% daripada responden mengetahui bahawa *Ratib al-Attas* merupakan wirid bagi tarekat *Alawiyah*. Lebih separuh daripada responden seramai 224 (64%) direkodkan bersetuju bahawa mereka mengenali penyusun *Ratib al-Attas* iaitu Habib Umar bin Abd Rahman al-Attas. Jadual juga menunjukkan seramai 295 (84.3%) orang responden merupakan ahli yang sentiasa melazimi MRA, namun hanya 177 (50.6%) orang responden memiliki ijazah bagi amalan zikir tersebut.

Kesimpulannya, pengkaji dapat melihat bahawa pengetahuan mengenai tarekat bukanlah merupakan satu faktor utama kepada penyertaan majlis zikir berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan lebih separuh daripada responden tidak mempunyai pengetahuan mengenai tarekat *Alawiyah*. Hal ini juga disandarkan kepada dapatan kajian yang menunjukkan lebih separuh daripada responden mengenali penyusun ratib namun hampir separuh daripada responden tidak memiliki ijazah pengamalan *Ratib al-Attas*.

4.1.3 Tempoh dan Bentuk Pengamalan *Ratib al-Attas*

Bagi tempoh pengamalan *Ratib al-Attas*, jadual menunjukkan 135 (38.6%) orang responden telah melazimi ratib ini dalam tempoh 3 hingga 5 tahun, manakala 177 (33.4%) orang reponden telah mengamalkan ratib ini dalam tempoh 1 hingga 2 tahun. Seramai 40 (11.4%) orang responden direkodkan telah melazimi amalan ini melebihi 9 tahun, 24 (6.9%) orang pula selama 6 hingga 8 tahun dan 34 (9.7%) orang pula direkodkan tidak pasti.

Keseluruhannya, dapat dirumuskan majoriti daripada responden telah mengamalkan ratib ini dalam tempoh 3 hingga 5 tahun. Seramai 318 orang (90.9 %) mengamalkannya secara berjamaah dan hanya 21 orang (6.0 %) sahaja yang mengamalkannya secara sendirian, manakala (3.1%) mengamalkannya pada kedua-dua keadaan iaitu secara bersendirian dan juga berjamaah.

Kesimpulanya, majoriti pengamal *Rātib al- Aṭṭas* mengamalkan dan membacanya secara berjamaah dan ia sangat signifikan dengan peranannya dalam pembentukan akhlak dan juga serasi dengan metode pengamalannya dan saranan para ilmuan.

4.1.4 Tahap Perubahan Akhlak

Bahagian ini merupakan jawapan kepada persoalan utama kajian, iaitu tentang kesan amalan zikir terhadap perubahan akhlak. Jawapan dalam Jadual 2 di bawah menunjukkan jawapan responden terhadap perubahan pada akhlak dirinya setelah mengamalkan ratib.

Jadual 2: Perubahan Akhlak

Bil	Item	Skala					Min
		Sangat tidak ketara	Tidak ketara	Kurang ketara	Perubahan ketara	Perubahan sangat ketara	
		1	2	3	4	5	
1	Sifat ikhlas dalam diri saya	4 (1.1%)	20 (5.7%)	80 (22.9%)	157 (44.9%)	89 (25.4%)	3.88
2	Sifat pemaaf dalam diri saya	1 (0.3%)	6 (1.7%)	86 (24.6%)	158 (45.1%)	99 (28.3%)	3.99
3	Sifat lemah lembut dalam diri saya	0	8 (2.3%)	95 (27.1%)	175 (50%)	72 (20.6%)	3.89
4	Sifat merendah diri dalam diri saya	1 (0.3%)	12 (3.4%)	85 (24.3%)	174 (49.7%)	78 (22.3%)	3.9
5	Sifat pemurah dalam diri saya	3 (0.9%)	10 (2.9%)	70 (20%)	156 (44.6%)	111 (31.7%)	4.03
6	Sifat tidak suka kemasyhuran dalam diri saya	7 (2%)	14 (4%)	99 (28.3%)	140 (40%)	90 (25.7%)	3.83
7	Sifat sabar dalam diri saya	0	7 (2%)	76 (21.7%)	176 (50.3%)	91 (26%)	4
8	Sifat tawakkal dalam diri saya	0	5 (1.4%)	72 (20.6%)	173 (49.4%)	100 (28.6%)	4.05
9	Sifat berkasih sayang dalam diri saya	3 (0.9%)	8 (2.3%)	82 (23.4%)	172 (49.1%)	85 (24.3%)	3.94

Berdasarkan jadual di atas, majoriti responden bersetuju akan amalan zikir ratib membawa impak ketara terhadap pembentukan akhlak yang telah disenaraikan dalam soal selidik iaitu ikhlas (44.9%), pemaaf (45.15), lemah lembut (50%), merendah diri (49.7%), pemurah (44.6%), tidak suka kemasyhuran (40%), sabar (50.3%), tawakkal (49.4%), kasih sayang (49.1%).

Jadual menunjukkan sifat yang terkesan dengan ketara oleh amalan zikir ratib ialah sifat lemah lembut (20.6%) dan sifat pemurah (31.7%). Namun begitu, berdasarkan purata(min) data menunjukkan sifat paling banyak ialah sifat tawakkal dengan min 4.05, diikuti oleh sifat pemurah dengan min 4.03 dan sifat sabar dengan min keseluruhannya 4. Bagi perubahan sifat paling ketara berdasarkan data yang direkod ialah sifat pemurah, namun ia tidak direkodkan secara rata dimana tidak semua pengamal mengalami perubahan ketara ini. Namun sebaliknya telah direkodkan bagi sifat tawakkal di mana perubahan berlaku kepada lebih ramai responden dan diikuti oleh sifat pemurah. Daripada keseluruhan senarai akhlak, sifat ikhlas telah direkodkan sebagai item terendah dalam perubahan yang berlaku, diikuti oleh sifat tidak suka akan kemasyhuran dan sifat lemah lembut. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa pengaruh zikir *Ratib al-Attas* ini dapat membawa pengaruh positif terhadap perubahan akhlak individu. Penyataan ini dapat disokong oleh data yang direkodkan yang mana setiap item akhlak yang disenaraikan mencatat min melebihi 3.5.

4.2 Analisa Inferens

Ujian inferens yang dijalankan adalah ujian korelasi. Berikut adalah dapatan kepada ujian tersebut:

4.2.1 Analisa Ujian Korelasi

4.2.1.1 Hubungan antara Tahap Akhlak Dengan Kefahaman Terhadap Zikir

Daripada *output* analisa, nilai sig. (2-tailed) antara kefahaman tentang zikir dengan tahap akhlak adalah $0.000 < 0.05$. Ini bererti terdapat korelasi yang signifikan antara pembolehubah tahap akhlak dengan kefahaman tentang zikir. Hasil analisis korelasi menunjukkan hubungan antara tahap akhlak dengan kefahaman tentang zikir merupakan satu hubungan positif yang lemah tetapi signifikan ($r = .267$, $k < .05$). symbol r menunjukkan korelasi person yang merupakan uji korelasi parametrik yang dihasilkan melalui kutipan data yang diproses. R^2 pula merupakan square kepada r . Keputusan ini menjelaskan bahawa responden yang mempunyai tahap kefahaman tentang zikir yang tinggi direkodkan mempunyai tahap akhlak juga yang tinggi. Ini menunjukkan perubahan ketara yang berlaku pada akhlak adalah berdasarkan tahap pengetahuan itu sendiri.

4.2.1.2 Hubungan Antara Sebab Menyertai Majlis Ratib Al-Attas (MRA) Dengan Tahap Akhlak

Output analisa memaparkan, nilai sig. (2-tailed) antara sebab utama menyertai MRA dengan tahap akhlak adalah $0.003 < 0.05$. Ini bererti terdapat korelasi yang signifikan antara pembolehubah sebab utama menyertai MRA dengan tahap akhlak. Hasil analisis korelasi menunjukkan hubungan antara sebab utama menyertai MRA dengan tahap akhlak merupakan satu hubungan positif yang sangat lemah tetapi signifikan ($r = .160$, $k < .05$). Keputusan ini menjelaskan bahawa responden yang direkodkan menyertai MRA atas pilihan sendiri menunjukkan tahap akhlak yang lebih tinggi.

4.2.1.3 Hubungan Antara Sebab Menyertai Majlis Ratib Al-Attas (MRA) Dengan Kefahaman Terhadap Laaz Zikir

Berdasarkan *output* analisa, nilai sig. (2-tailed) antara sebab utama menyertai MRA dengan kefahaman tentang zikir adalah $0.001 < 0.05$. Ini bererti terdapat korelasi yang signifikan antara pembolehubah sebab utama menyertai MRA dengan kefahaman tentang zikir. Hasil analisis

korelasi menunjukkan hubungan antara sebab utama menyertai MRA dengan kefahaman tentang zikir merupakan satu hubungan positif yang sangat lemah tetapi signifikan ($r = .179, k < .05$). Keputusan ini menjelaskan bahawa responden yang menyertai MRA atas pilihan sendiri menunjukkan tahap kefahaman tentang zikir yang lebih tinggi.

4.2.1.4 Hubungan Antara Cara Mengamalkan Zikir Dan Tahap Akhlak

Output analisa menunjukkan nilai sig. (2-tailed) antara cara pengamalan zikir dengan tahap akhlak adalah $0.002 < 0.05$. Ini bererti terdapat korelasi yang signifikan antara pembolehubah Cara pengamalan zikir dengan tahap akhlak. hasil analisis korelasi menunjukkan hubungan antara cara pengamalan zikir dengan tahap akhlak merupakan satu hubungan positif yang sangat kuat dan signifikan ($r = .965, k < .05$). Keputusan ini menunjukkan bahawa responden yang mengamalkan zikir secara berjemaah mempunyai tahap akhlak yang tinggi. Ini menjelaskan bahawa kesan pengamalan zikir secara berjemaah kepada perubahan akhlak lebih ketara daripada pengamalan bersendirian. mengamalkan secara berjemaah lebih memberi kesan kepada perubahan akhlak.

4.2.1.5 Hubungan Antara Tahap Akhlak Dengan Kesan Amalan Ratih

Hubungan antara tahap perubahan akhlak dengan jenis akhlak pengamal yang berubah ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 : Hubungan Antara Tahap Akhlak Dan Jenis Akhlak

		TahapAkhlak
Tahap Akhlak	Pearson Correlation	1
	Sig. (2-tailed)	
	N	350
Akhlak yang terpuji dan tercela	Pearson Correlation	.395**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	350
Sifat ikhlas dalam diri saya	Pearson Correlation	.697**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	350
Sifat pemaaf dalam diri saya	Pearson Correlation	.688**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	350
Sifat lemah lembut dalam diri saya	Pearson Correlation	.669**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	350
Sifat merendah diri dalam diri saya	Pearson Correlation	.702**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	350
Sifat pemurah dalam diri	Pearson Correlation	.692**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	350
Sifat tidak suka kemasyhuran dalam diri	Pearson Correlation	.606**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	350
Sifat sabar dalam diri	Pearson Correlation	.710**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	350
Sifat tawakkal dalam diri	Pearson Correlation	.715**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	350
Sifat berkasih sayang dalam diri	Pearson Correlation	.725**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	350

Hasil analisa menunjukkan akhlak yang terpuji dan tercela dilihat signifikan, ada hubungan antara pembolehubah pada tahap yang lemah ($r = .395, k < .05$). Sifat akhlak ikhlas dilihat signifikan, dan ada hubungan antara pembolehubah pada tahap yang kuat ($r = .697, k < .05$). Sifat akhlak Pemaaf signifikan, Ada hubungan antara pembolehubah pada tahap yang kuat ($r = .688, k < .05$). Sifat akhlak lemah lembut dilihat signifikan, ada hubungan antara pembolehubah pada tahap yang kuat ($r = .669, k < .05$). Sifat akhlak merendah diri dilihat signifikan, ada hubungan antara pembolehubah pada tahap yang kuat ($r = .702, k < .05$). Sifat pemurah dilihat Signifikan, ada hubungan antara pembolehubah pada tahap yang kuat ($r = .692, k < .05$). Sifat *kehumul* (tidak suka kemasyhuran) dilihat signifikan, Ada hubungan antara pembolehubah pada tahap yang sederhana ($r = .606, k < .05$). Sifat sabar dilihat signifikan, ada hubungan antara pembolehubah pada tahap yang kuat ($r = .710, k < .05$). Sifat Tawakkal dilihat signifikan, ada hubungan antara pembolehubah pada tahap yang kuat ($r = .715, k < .05$). Sifat kasih sayang dilihat signifikan, ada hubungan antara pembolehubah pada tahap yang kuat ($r = .725, k < .05$). Dapatan kajian ini menunjukkan perhubungan antara perubahan akhlak dengan pengamalan zikir. Hasil juga menunjukkan akhlak yang mempunyai hubungkait paling tinggi ialah kasih sayang.

4.2.1.6 Hubungan Antara Tempoh Pengamalan Dan Tahap Akhlak

Analisa *output* menunjukkan nilai sig. (2-tailed) antara tempoh mengenali *Rātib al-Attas* dengan tahap akhlak adalah $0.000 < 0.05$. Ini bererti terdapat korelasi yang signifikan antara pembolehubah tempoh mengenal ratib al atas dengan tahap akhlak . Hasil analisis korelasi menunjukkan hubungan antara tempoh mengenal *Rātib al-Attas* dengan tahap akhlak merupakan satu hubungan positif yang lemah dan signifikan ($r = .293, k < .05$). Keputusan ini menjelaskan bahawa responden yang mengenali *Rātib al-Attas* dalam tempoh yang lebih lama menunjukkan tahap akhlak yang lebih tinggi.

4.2.1.7 Hubungan Antara Pemilikan Ijazah Daripada Sjeikh Untuk Mengamalkan Zikir Dengan Tahap Akhlak

Berdasarkan *output* analisa, nilai sig. (2-tailed) antara memiliki ijazah dengan tahap akhlak adalah $0.000 < 0.05$. ini bererti terdapat korelasi yang signifikan antara pembolehubah memiliki ijazah dengan tahap akhlak. Hasil analisis korelasi menunjukkan hubungan memiliki ijazah dengan tahap akhlak merupakan satu hubungan positif yang sangat lemah dan signifikan ($r = .146, k < .05$). Keputusan ini menjelaskan bahawa responden yang memiliki ijazah dalam mengamalkan *Rātib al-Attas* mempunyai tahap akhlak yang lebih tinggi.

5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat kesan perubahan akhlak pada pengamal *Rātib al-Attas* terutamanya pada sifat tawakkal, sifat pemurah dan sifat sabar. Hasil kajian juga menunjukkan hampir 70% perubahan akhlak boleh terjadi sekiranya ia diamalkan dalam tempoh kurang lima tahun secara konsisten. Responden yang mempunyai tahap kefahaman tentang zikir yang tinggi, menyertai MRA atas pilihan sendiri, mengamalkan zikir secara berjemaah dan memiliki ijazah dalam mengamalkan *Rātib al-Attas* direkodkan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tahap akhlak juga yang tinggi. Responden yang menyertai MRA atas pilihan sendiri juga menunjukkan tahap kefahaman tentang zikir yang lebih tinggi. Selain itu, perubahan akhlak yang mempunyai hubungkait paling tinggi dengan kesan amalan *Rātib al-Attas* ialah kasih sayang, diikuti tawakkal dan sabar.

Oleh demikian, dapatan kajian ini menyerlahkan hikmah para ulama dan pendakwah mendidik masyarakat dengan amalan berjemaah walaupun terdapat tohmahan yang mendakwa ia sebagai satu Page | 102

kesalahan atau bida'ah. Amalan berzikir secara berjemaah merupakan amalan unik masyarakat Melayu kerana mereka tidak mempunyai kekuatan untuk beramal sendirian. Dapatan kajian ini juga menyokong teori dakwah ulama terdahulu dalam masyarakat Melayu dengan memperkenalkan amalan-amalan seperti tahlil, kenduri doa selamat dan lain-lain. Laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memaparkan perkara berikut sebagai dalil yang mengharuskan amalan ini dilakukan:

“Dawabit ini boleh dikiaskan dalam amalan-amalan berjadual yang terkenal dalam masyarakat Melayu seperti majlis kesyukuran, tahlil, bacaan Yasin, majlis Qasidah, doa awal dan akhir tahun selagi mana diamalkan sebagai saranan melakukan amalan yang sudah sabit dalam Syarak seperti berdoa, berzikir, berdoa agar disampaikan amalan bacaan kepada si mati, dan membaca al-Quran. Pentingnya juga diingatkan bahawa hukum menjadualkan amalan ini adalah harus sekalipun amalan-amalan di dalamnya adalah sunat, maka tidak boleh seseorang itu dibenci atau dilabel dengan panggilan yang buruk kerana meninggalkan perkara berkenaan.”

Kebanyakan responden yang menyertai aktiviti zikir ini didapati hanya memfokuskan kepada tujuan mereka berzikir tanpa mengambil kira latar belakang tarekat tersebut. Perkara ini mungkin disebabkan beberapa faktor antaranya ialah tradisi dalam menjalankan MRA, menurut pemerhatian pengkaji, tidak menekankan pengisian akal (ilmu pengetahuan) tetapi lebih memfokuskan kepada penerapan nilai dan kerohanian. Selain itu, MRA lebih menekankan aspek tazkirah seperti tentang hakikat hidup, kematian dan alam akhirat. Perkara ini menjadikan pengetahuan dan maklumat tentang tarekat *‘Alāwīyyah* amat terbatas melainkan mereka yang mengikuti kelas pengajian atau pembacaan zikir secara khusus.

Perlu diakui, meskipun ramai responden tidak mengenali tarekat *‘Alāwīyyah*, akan tetapi kajian ini didapati kebanyakan responden mengenali penyusun Rātīb *al-‘Aṭṭas* iaitu Habib ‘Umar bin ‘Abdul Rahman al-‘Aṭṭas. Ini mungkin disebabkan tradisi MRA akan menghadiahkan bacaan al-Fatihah kepada beliau sebelum memulakan pembacaan Rātīb *al-‘Aṭṭas*. Setelah selesai pembacaan Rātīb *al-‘Aṭṭas*, akan dibacakan *fawātib* dan turut dihadiahkan al-Fatihah kepada beliau sekali lagi. Ini merupakan faktor utama penyusun Rātīb *al-‘Aṭṭas* dikenali terutamanya dikalangan pengamalannya. Secara tidak langsung ini akan menimbulkan rasa ingin tahu dikalangan pengamalannya, *dijjazahkan* ratibnya. Ini kerana tarekat *Alāwīyyah* tidak mensyaratkan ijazah dalam pengamalannya. Disamping itu, terdapat tokoh tarekat *Bāalawi* yang tidak meletakkan tarekat *‘Alāwīyyah* sebagai tarekat tetapi ia sebagai suatu amalan kerohanian yang mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Justeru ia dilihat lebih luas, terbuka dan mudah.

Kesimpulannya jika sebuah manhaj itu berbentuk tarekat maka ia dilihat terikat dengan *bai’ah* (taat setia), *ijazah* dan *wirid*, bahkan ia berbeza dengan amalan-amalan biasa seperti tahlil. Semoga kajian ini diharapkan dapat menjadi asas untuk mewartakan enakmen yang berkaitan dengan amalan kerohanian di setiap negeri. Di samping itu, amalan ini dapat diperkenalkan di sekolah-sekolah, pusat pemulihan akhlak, institusi-institusi swasta dan kerajaan disebabkan kesannya terhadap pembentukan akhlak telah dibuktikan. Dicadangkan kepada pengkaji seterusnya untuk mendalami dan memperincikan isu-isu ataupun sebab pemilihan bilangan dalam lafaz-lafaz zikir Rātīb *al-‘Aṭṭas*. Di samping itu, turut dicadangkan supaya pengkaji akan datang dapat meneliti kesan-kesan akhlak yang lain selain yang telah dinyatakan oleh pengkaji didalam kajian ini.

Seterusnya, kajian terhadap keberkesanan *Ratib al-Attas* dalam memulihkan individu-individu ketagihan dadah dan seumpamanya juga boleh di jalankan. Pengkaji turut mencadangkan agar kajian zikir terhadap perubahan biologi manusia dari aspek kesihatan, perasaan dan aura dalam tubuh pengamal ketika ratib dibaca turut di laksanakan.

Senarai Rujukan

- Abdul Jalil Borham. (2007). *Asas Pembangunan Modal Insan*. (Tesis). Universiti Malaysia Pahang, Pahang.
- Abdul Manam Bin Mohamad Al-Merbawi. (2019). *Zikir Dan Peranannya Dalam Pembentukan Sakhshiah*. Diakses pada 9 Disember 2020. <http://www.muftins.gov.my/v1/en/2019/04/19/zikir-dan-peranannya-dalam-pembentukan-sakhshiah>.
- Al-Bārūhī, Sulāimān 'Ibrāhīm. (2002). *Al-Turūk al-Shūfīyah Fī Mālīzyā Wā al-Da'wāb al-'Islāmīyah*. (Tesis, PHD) Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Seremban. 111.
- Al-Ghazālī, Abū Hāmid. (2010). *Ihyā' 'Ulūm ad-Dīn*. Dār al-Ma'rifah Bāirūt. 269-293.
- Al-Ḥabīb 'Aīdarūs bin 'Umar al-Ḥabsyī. (2009). *'Aqd al-Yawāqīt al-Jaūbarīyah*. Dār al-'Ilm Wa al-Da'wah Ḥaḍramāut. 34.
- Amīn 'Allāuddīn al-Naqshabandī. (1988). *Mā Huwa al-Taṣawwuf, Mā Hiya al-Tariqah al-Naqshabandīyah*. Daar al-Kutub Baghdad. 173.
- Creswell, J.W. (2104). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approach*. Ed ke-3. London: Sage Publication, 2013.
- Creswell, J.W. (2012) *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. (4th ed.). Boston, MA: Pearson Education.
- Idrus Alwi al-Masyhur. (2013). *Sejarah, Silsilah dan Gelar keturunan Nabi Muhammad di Indonesia, Singapura, Malaysia Timur Tengah, India dan Afrika*. Saraz Publishing, Jakarta. 79.
- Fatāwā Lajnah Ad Daimah. (1996). Dar al-'Isobah, Riyadh.
- Kamaruzzaman Moidunny. (2013). *Kesabhan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian*. Institut Aminuddin Baki, Cameron Highland.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Hill, R. (1998). What Sample Size is 'Enough' in Internet Survey Research? *Interpersonal Computing and Technology: An Electronic Journal for the 21st Century*, 6, 3-4
- Mohd Azman Mohsin, Md Hamzaimi Azrol Md Baharudin, Othman Napiyah, Sulaiman Shakib Mohd. Noor. (2015). *Adab Dan Amalan Ratib al-'Attas Dalam Tarekat 'Alawi'yah: Suatu Sorotan Ringkas*. UTM, Skudai. 43.
- Mohd Azman Mohsin, Md Hamzaimi Azrol Md Baharudin, Othman Napiyah, Sulaiman Shakib Mohd. Noor. (2016). *Ratib Al-Attas Menurut Perspektif Al-Qur'an Dan Hadis*. UTM Press. 101.
- Mohd Azman Mohsin. (2017). *Ratib al-Attas Dalam Tarekat Alawiyah Amalan Di Masjid Habib Hasan Johor Babru*. (Tesis, PHD) Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Mohd Sulaiman Hj. Yasin. (1997). *Mengenal Ilmu Tasawuf*. Jabatan Kemajuan Islam, Kuala Lumpur. 36.
- Muhamad Basyrul Muvid. (2018). *Dhikir Dalam Tarekat Sebagai Metode Pembentukan Akhlak Perspektif Kh. Alba'zi Nawawi Dan Kh. Mohammad Nizam Ash-Shafa'*, (Tesis, MA). Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya. 76.

- Muhammad Nubli Abdul Wahab. (2007). "Proses Pembangunan Modal Insan," dalam *Modal Insan Konsep, Aplikasi & Isu-isu Kontemporari dalam Cabaran Pemerkasaan Tamadun Insan*, ed. Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Jamal Rizal Razali dan Hasnah Hussiin. Universiti Malaysia Pahang, Pahang, 15-16, 24.
- Nabilah Aishah, "Apa Itu Kajian Tinjauan", diakses pada 19 Disember, 2019. <https://www.academia.edu/34031626/>
- Nurul Wahidah Fauzi. (2012). *Ulama Arab Hadhrami dalam pentadbiran dan pendidikan Islam di Johor: analisis terhadap sumbangan Syed 'Abd al-Qadir bin Muhsin al-'Attas dan Syed 'Alwi b. Tabir al-Haddad*, (Tesis, PHD). Universiti Malaya. 23.
- Pejabat Mufti Wilayah. (2017). *Bayan Linnas Siri Ke-94: Hukum Penganjuran Program Kempen Quran Hour. Diakses pada mac, 2020. <https://muftinp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/818-bayan-linnas-siri-ke-94-bukum-penganjuran-program-kempen-quran-hour>*
- Julie Pallant. (2001). *SPSS Survival Manual*. Allen & Unwin, Australia.
- Siti Rahayah. (2003). *Kesabhan Dan Kebolehppercayaan Soal Selidik Gaya e-Pembelajaran (eLSE) Versi 8.1 Menggunakan Model Pengukuran Rasch*. (Jurnal). UKM.
- Suma'it Al-Ḥabīb Zāin Ibrāhīm. (2005). *al-Manhaj al-Sawī Syarah Uṣūl al-Sādah Al-Bā'alawī*. Dār al-'Ilm Wa al-Da'wah, Ḥaḍramāut. 1.
- Umar Bin Abdul Rahman Bin A'qeel al-Attas Ba A'lawi al-Hadhrami. (1966). *Al-Qirtas Syarah Rātib al- Ḍṭṭas*. Matba'h al-Madani, Kaherah.